KUiTTHO.PB/10.12/04 Jld. II (09)

25 Julai, 2006

Pendaftar
Ketua Pustakawan
Pengarah Pembangunan & Pengurusan Hartabina
Dekan Pusat Pengajian Siswazah
Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan
Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal
Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi
Dekan Fakulti Teknologi Maklumat & Multimedia
Pengarah Pusat Penyelidikan Perundangan & Pengajian Berterusan
Pengarah Pejabat Perhubungan Korporat & Antarabangsa
Ketua Pusat Pengajian Sains
Ketua pusat Pengajian Kemanusiaan Komunikasi
Pengarah Bahagian Pengurusan Kualiti & Perancangan Korporat
Pengurus Pusat Teknologi Maklumat
Pengetua Desa Siswa Pangsapuri
Pengetua Desa Siswa Taman Melewar
Pengetua Desa Siswa Dalam Kampus
Pengetua Desa Siswa Tanpa Asrama
Ketua pusat Pengajaran & Pembelajaran
Ketua Pusat Kokurikulum, Sukan & Kebudayaan
Ketua Pusat Kaunseling & Pembangunan Pelajar
Ketua Penerbit
Ketua Pusat Islam
Ketua Pusat Kesihatan Universiti
Timbalan Pendaftar ( Pejabat Cancelori )
Timbalan Pendaftar ( Pejabat Pengurusan Akademik )
Timbalan Pendaftar ( Pejabat Hal-Ehwal Pelajar )
Ketua Pusat Keserasian Elektromagnet (EMC)
Ketua Pusat Pemindahan Teknologi (TTC)
Ketua Pusat Kajian Alam Sekitar, Pembinaan dan Pengangkutan (CECTUS)
Ketua Pusat Latihan Teknologi Tekstil Termaju (ADTEC)
Ketua Pusat Techno Usahawan (TEC)
Ketua Pusat Penyelidikan Tanah Lembut (RECESS)
Ketua Pusat Kecemerlangan Pengurusan Faciliti (CEFM)
Ketua Pusat Wayarles dan Sains Radio (WARAS)
Ketua Pusat Pendidikan Teknik & Vokaysional Termaju (ACTiVE)
Ketua Unit Audit Dalaman

*Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn*

Y. Bhg. Prof/ Tuan/ Puan,

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2006 (BEN-PKL(03/2006)D – POLISI PEROLEHAN CCTV BAGI TUJUAN KESELAMATAN HARTABENDA DI PUSAT TANGGUNGJAWAB**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita bersama ini disertakan Pekeliling Bendahari Bil. 3/2006 (BEN-PKL(03/2006)D untuk makluman, rujukan dan panduan Y. Bhg. Prof/ Tuan/ Puan serta dipanjangkan kepada semua staf di Fakulti/Bahagian/Jabatan/Unit masing-masing.

3. Pekeling ini juga boleh didapati di laman web pejabat ini http://www.kuittho.edu.my/pb

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Yang benar,

**ABU BAKAR BIN HUSSAIN**
Bendahari
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
☏ 07-4537052

s.k. : Y. Bhg. Rektor
: Y. Bhg. Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
: Y. Bhg. Timbalan Rektor (Akademik & Pengantarabangsaan)

**PEJABAT BENDAHARI**
**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

KUiTTHO.PB/10.12/04 ( 09 ) Tarikh: 25 Julai 2006

## PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2006

Semua Pengurus Bahagian
***Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn***

Y. Bhg. Prof / Tuan / Puan,

**POLISI PEROLEHAN CCTV BAGI TUJUAN KESELAMATAN HARTABENDA DI PUSAT TANGGUNGJAWAB**

### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai polisi perolehan CCTV bagi tujuan keselamatan Hartabenda di Pusat Tanggungjawab (PTJ).

### 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Jawatankuasa Eksekutif Universiti Bil. 7/2006 yang bersidang pada 5 Julai 2006 telah meluluskan polisi perolehan CCTV oleh PTJ.

2.2 Mesyuarat memutuskan setiap pembelian CCTV oleh PTJ perlu dibuat melalui Unit Keselamatan, Pejabat Pendaftar dengan menggunakan peruntukan PTJ yang memohon dan keperluan peralatan yang dipohon hanya akan diluluskan dengan justifikasi keselamatan PTJ sahaja.

### 3.0 PEROLEHAN CCTV

3.1 Perolehan CCTV bagi tujuan keselamatan Hartabenda di Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang ditetapkan adalah seperti berikut:-

3.1.1 Penggunaan CCTV yang dimaksudkan ialah pengawasan dan kawalan keselamatan ke atas barangan/ peralatan yang dibeli oleh makmal-makmal fakulti dan ruang pejabat.

3.1.2 *'Security System'* yang dipohon adalah berupa CCTV yang berupaya merakam pergerakan keluar masuk individu yang melalui sesuatu kawasan yang dipasang CCTV.

3.1.3 Pembelian CCTV akan dipertimbangkan dari segi keperluan dan kesesuaian lokasi CCTV yang akan ditempatkan.

3.1.4 Rekod CCTV perlu disimpan dalam masa 24 jam atau lebih.

3.1.5 Penggunaan CCTV diselia oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan oleh PTJ.

3.1.6 Pembelian CCTV menggunakan peruntukan PTJ sendiri dan dinyatakan dalam perincian belanjawan tahun semasa.

**4.0 KUATKUASA PEKELILING**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan dan perlu dibaca bersama Pekeliling Bendahari, Surat Pekeliling Bendahari yang berkuatkuasa dimana bersesuaian.

Kerjasama dan perhatian pihak Y. Bhg. Prof / Tuan / Puan, adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf yang berkenaan mengenai perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar

……………………………………
**ABU BAKAR BIN HUSSAIN**
Bendahari
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
☎ 7050

s.k
1. Yg. Bhg. Rektor
2. Yg. Bhg. Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
3. Yg. Bhg. Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan)
4. Ketua Unit Audit Dalam
5. Ketua Unit Keselamatan

***Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn***